

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HHT 402 Aspek-Aspek Kesenian Barat Moden

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGITUJUH [7] SOALANDIDALAM  
DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan. SOALAN NO.1 daripada Bahagian A WAJIB  
dijawab dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A**

Enam slides ditayangkan. 10 minit untuk setiap slide. Masa:  
1 Jam.

1. Berikan nama seniman, tajuk karya, tahun gerakan dan huraikan tema atau isi, dan cara penggambaran.

**BAHAGIAN B**

2. Adakah persoalan sesuatu karya itu realistik atau abstrak bergantung kepada penggambaran atau sikap seniman, atau adakah ditentukan kemudian oleh ahli sejarah seni atau "art historian". Huraikan pendirian kamu dengan memberikan contoh-contoh.
3. Aktivis gerakan Dada menentang pengaruh militerisme yang kian menular di dalam masyarakat Eropah sesudah Perang Dunia Pertama. Ulas beberapa karya para aktivis gerakan ini.

4. Ciri-ciri apakah yang ditonjolkan oleh seniman Kiubis? Huraikan ciri-ciri yang paling ketara sehingga pemerhati Seni Barat Moden mendapat gambaran yang jelas bahawa kiubisme itu satu gerakan yang konsisten.
5. Max Beckmann yang berkarya di dalam tahun 1930an dan Jackson Pollock yang berkarya di dalam tahun 1950an dikatakan mengamalkan teknik ekspresionis. Terangkan makna perkataan ekspresionis dan huraikan persamaan serta perbezaan karya-karya kedua seniman ini.
6. Mungkinkah karya-karya seni Barat Moden yang mengolah tema sunyi itu merupakan anti-tesis kepada tema keganasan. Bincangkan pandangan ini dengan contoh-contoh.
7. "Significant Form" atau bentuk bererti yang diutarakan oleh Roger Fry memisahkan gerakan Impresionis dari Pos-Impresionis. Telitikan maksud "Significant Form" tersebut.

-oooo000oooo-